



MELANGKAH KE TAHUN 2020





JABATAN LAUT MALAYSIA

Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas.

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

YBhg Dato' Baharin Bin
Dato' Abdul Hamid

KETUA EDITOR

Encik Mohd Azhan Bin Abdullah

EDITOR

Encik Egbert Adolf Naintin
Puan Reeta Francis
Puan Norhayati Binti Ibrahim

REKA BENTUK

Encik Muhammad Zulhafeez Bin
Shaidin

URUS SETIA

Puan Sharifah Taherah Binti
Shabbir Ahmad
Puan Siti Norparlila Binti Sidek

HUBUNGI KAMI

Unit Korporat

Ibu pejabat Jabatan Laut
Malaysia, Peti Surat 12, Jalan
Limbangan,

42007 Pelabuhan Klang,
Selangor

Telefon: 603-33467620

Fax: 603-31685289

Like & Share 



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

AKTIVITI JLM JANUARI 2020

1. 13 Januari 2020 (Isnin), Ibu Pejabat Laut - Majlis Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Laut Bagi Bulan Januari 2020 Dan Anugerah Pekerja Contoh (Julai - Disember 2019)
2. 09 Januari 2020 (Khamis), Auditorium Ibu Pejabat Laut - Majlis Perjumpaan Dan Amanat YBhg Dato' Ketua Pengarah Bersama Pegawai Laut (Lantikan Baru)
3. 12 Januari 2020 (Ahad), Pulau Payar - Keberangkatan dibawah DYMM Tuanku Sultan Kedah telah berangkat pulang dari Pulau Payar menggunakan kapal MV SUHAIL milik Jabatan Laut Malaysia.
4. 14 Januari 2020 (Selasa), MATRAIN Pelabuhan Klang - Handover Ceremony Of Advanced Personnel Training For Vessel Traffic Service (Jointly Organized by : Marine Department Malaysia and Japan Aids To Navigation Association)
5. 15 Januari 2020 (Rabu), Lobi Ibu Pejabat Laut - Pameran UMT di Jabatan Laut Malaysia sempena penawaran Program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) luar kampus.
6. 16 Januari 2020 (Khamis), Kuching, Sarawak - Proposed Capital Dredging Works at Senari Port Navigational Channel- Sesi Taklimat kepada Stakeholders oleh YBhg Dato' Hazman Bin Hussein selaku Timbalan Ketua Pengarah Laut
7. 17 Januari 2020 (Jumaat), Ibu Pejabat Laut - Sesi perbincangan di antara JLM-FAMA berhubung aktiviti Barter Trade di Batu Pahat, Johor.
8. 18 Januari 2020 (Sabtu) - Program Kempen Kesedaran dan Keselamatan di atas Bot di Kampung Limpaku Pinang, Limbang, Sarawak.
9. 19 Januari 2020 (Ahad), Pulau Langkawi - YBhg. Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut telah menghadiri majlis Perasmian Projek Demostrasi 5G Malaysia di Pulau Langkawi Kedah.
10. 21 Januari 2020 (Selasa), Wilayah Tengah - Perhimpunan Bulanan Pengarah Bersama Pegawai dan Kakitangan Jabatan Laut Wilayah Tengah bagi bulan Januari 2020.



JABATAN LAUT MALAYSIA

Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas.

AKTIVITI JLM
JANUARI 2020

11. **22 Januari 2020 (Rabu) , Kementerian Pengangkutan - Majlis**
Perjumpaan Khas YB Menteri Pengangkutan Dengan Ahli Mesyuarat Pasca Kabinet MOT Sempena Perayaan Tahun Baru Cina. Majlis ini juga dihadiri oleh YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia.
12. **24 - 27 Januari 2020 (Jumaat-Isnin), Kuala Perlis -** Ketibaan dan keberangkatan Tuanku Raja Perlis dari Kuala Perlis ke Langkawi dengan menggunakan kapal AKAMAR milik Jabatan Laut Malaysia.
13. **14 - 25 Januari 2020 *International Maritime Organization (IMO), London*** - Kehadiran Ke Mesyuarat Antarabangsa Sub-Committee On Navigation, Communication, Search And Rescue (Ncsr 7).
14. **29 Januari 2020 (Rabu), MATRAIN, Pulau Indah –** Mesyuarat Pembukaan Sesi Audit Peringkat Pertama QMS ISO 9001:2015 bagi Jabatan Laut Malaysia telah diadakan di Institut Latihan Pengangkutan Laut, Pulau Indah. Mesyuarat telah dihadiri oleh pegawai dari SIRIM dan pegawai-pegawai Jabatan Laut Malaysia. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut.
15. **29 Januari 2020 (Rabu), Ibu Pejabat Laut -** Sesi Briefing: Pelatih Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Pusat Latihan Amali (PLA) Klang oleh Pegawai Unit Korporat Jabatan Laut Malaysia.
16. **29 Januari 2020 (Rabu), Ibu Pejabat Laut Wilayah Utara, Gelugor, Pulau Pinang -** Sesi Stakeholders Engagement JLM Wilayah Utara bersama Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Pulau Pinang - Encik Azizol Bin Ahmad dan pasukan.
17. **30 Januari 2020 (Khamis) -**Aplikasi Boost Untuk Pembelian Tiket Feri
18. **28 - 30 Januari 2020 -** Kerja-kerja penyelenggaraan Alat Bantuan Pelayaran dan pemantauan pelabuhan Kerteh dan Kemaman oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur.
19. **30 Januari 2020 (Khamis) -** Sesi engagement JLM Wilayah Utara bersama Port Health Officer Pulau Pinang mengenai wabak Coronavirus.



SEKILAS AKTIVITI JLM TAHUN 2019

25-29 NOVEMBER 2019 , IMO HEADQUARTERS
LONDON, UNITED KINGDOM,

GENERAL ASSEMBLY – 31st SESSION

YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia bersama - sama 30 delegasi Malaysia telah menghadiri Perhimpunan Agung Sesi Ke-31 di Ibu Pejabat, International Maritime Organization (IMO), London United Kingdom pada 25 hingga 29 November 2019.



TAHNIAH! MALAYSIA SEKALI LAGI MENJADI AHLI MAJLIS PERTUBUHAN MARITIM ANTARABANGSA (IMO) 2020-2021

Malaysia telah berjaya memperolehi tempat ketiga daripada 20 kerusi yang telah dipertandingkan sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa IMO dengan memperolehi undian sebanyak 142 berbanding pemilihan penggal ketujuh pada 2018-2019 sebanyak 131 dengan berada tempat kesembilan.

Kemenangan besar ini amat bermakna bagi Malaysia dan dipilih semula sebagai Ahli Majlis IMO Kategori C bagi penggal 2020-2021. Menteri Pengangkutan, YB. Loke Siew Fook berkata pemilihan bagi penggal kelapan berturut-turut itu mempamerkan pengiktirafan negara anggota IMO terhadap sumbangan dan kepentingan Malaysia dalam sektor maritim antarabangsa.





28 NOVEMBER 2019, IMO, LONDON

**SESI PERBINCANGAN
MENGENAI TECHNICAL
CORPORATION DIANTARA
YBHG DATO' KETUA
PENGARAH LAUT, JABATAN
LAUT MALAYSIA BERSAMA
DELEGASI DARI ANGOLA DI
PERSIDANGAN IMO.**

3-4 DISEMBER 2019, PULAU
PINANG, MALAYSIA

**4th IMPLEMENTATION
COMMITTEE MEETING ON
JOINT HYDROGRAPHIC
SURVEY OF THE STRAITS
OF MALACCA AND
SINGAPORE.**



12-13 DISEMBER 2019, PULAU INDAH,
SELANGOR

**PROGRAM CTP 3.2
(SUPERVISING CTP
“BREAKING THE SILOS”).**

Seramai 23 pegawai JLM telah menghadiri program CTP 3.2 yang diadakan di MATRAIN. Tujuan program ini adalah untuk membangunkan program-program CTP di setiap pejabat JLM selaras dengan pemantapan struktur organisasi JLM. Pembangunan program-program CTP selari dengan nilai-nilai teras JLM iaitu Integrity, Professionalism, Synergistic, Innovative, Stakeholder Centric.





Tahniah
PEJABAT LAUT KUALA KEDAH
JABATAN LAUT WILAYAH UTARA
di atas pencapaian
CEMERLANG
Naziran Terimaan
Kementerian Pengangkutan Malaysia
2019

19 DISEMBER 2019, KUALA KEDAH

Tahniah diucapkan kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Laut Kuala Kedah, atas pencapaian CEMERLANG berdasarkan Naziran yang telah dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.



**30 DISEMBER 2019 (ISNIN) - INSTITUT LATIHAN
PENGANGKUTAN LAUT (MATRAIN), PULAU INDAH,
SELANGOR**

**SESI BENGKEL TAKLIMAT KESELAMATAN
KEBAKARAN OLEH JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT PELABUHAN KLANG**

13 JANUARI 2020 (ISNIN), IBU PEJABAT LAUT

Majlis Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Laut Bagi Bulan Januari 2020 Dan Anugerah Pekerja Contoh (Julai - Disember 2019)

AMANAT KETUA PENGARAH LAUT

Ketua Pengarah Laut (KPL) mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga Jabatan Laut Malaysia. KPL menyingkap beberapa pencapaian Tahun 2019 diantaranya:

Kejayaan Malaysia dalam mengekalkan kerusi dalam Kategori C *International Maritime Organization*. Pencapaian Malaysia merupakan pencapaian yang terbaik dan amat membanggakan selepas memperolehi 142 undi secara keseluruhan di kalangan 24 calon lain dalam kategori C. Ini menunjukkan Malaysia semakin disanjung oleh dunia maritim. Bagi mengekalkan kedudukan ini, warga JLM perlu berusaha dan bekerjasama dengan semua agensi dari segi kepakaran dan kemahiran dunia maritim.

Penganjuran Forum Antarabangsa MIFA yang telah diadakan pada bulan November 2019. Forum ini telah memberi banyak sumbangan dari segi penyiasatan dan kemalangan kapal untuk dunia maritim.

Penganjuran Sukan JLM di Labuan pada bulan Oktober 2019. KPL telah mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Wilayah Labuan atas penganjuran ini. Program ini telah memupuk silaturrahim dan ukhuwah di kalangan warga JLM.....



Pembentukan Pelan Strategik merupakan perancangan strategik JLM untuk tempoh 5 tahun. KPL berharap Pelan Strategik ini akan melancarkan perancangan dan hala tuju JLM untuk tempoh 5 tahun akan datang.

Kejayaan dalam menganjurkan siri-siri World Maritime Week, Sambutan Hari Rumah Api dan Aids to Navigation Day pada bulan September 2019. KPL mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga JLM yang terlibat. Aktiviti-aktiviti ini akan menyumbang kepada persepsi dunia luar terhadap JLM dalam memperkasakan industri maritim.

Penglibatan JLM dalam LIMA 2019 dan diucapkan terima kasih kepada pasukan JLM yang menyertai pameran tersebut. KPL juga meminta warga JLM bersedia untuk mengambil bahagian dalam Kuala Lumpur International Transport Conference yang akan berlangsung pada bulan Julai 2020.

Kejayaan dan pencapaian ini diharapkan untuk terus memberi sumbangan yang berterusan untuk tahun 2020.



PERJUMPAAN KETUA PENGARAH LAUT BERSAMA PEGAWAI BAHARU



09 JANUARI 2020 (KHAMIS), AUDITORIUM IBU PEJABAT LAUT

MAJLIS PERJUMPAAN DAN AMANAT YBHG DATO' KETUA PENGARAH LAUT BERSAMA PEGAWAI LAUT (LANTIKAN BAHARU)

Sesi ramah mesra dan amanat YBhg Dato Ketua Pengarah Laut bersama Pegawai Laut lantikan baharu seramai 35 orang.



LAWATAN DYMM SULTAN KEDAH

12 JANUARI 2020 (AHAD), PULAU PAYAR

KEBERANGKATAN KEBAWAH DYMM TUANKU SULTAN KEDAH TELAH BERANGKAT PULANG DARI PULAU PAYAR MENGGUNAKAN KAPAL MV SUHAIL MILIK JABATAN LAUT MALAYSIA.

Keberangkatan dibawah DYMM Tuanku Sultan Kedah ke Pulau Payar. Rombongan DYMM Tuanku Sultan Kedah yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah YB Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naib telah berangkat ke Pulau Payar pada jam 9.30 pagi dengan menggunakan bot laju agensi swasta untuk membolehkan Tuanku melihat dengan sendiri perkembangan dan pembangunan projek yang telah dilaksanakan di Pulau Payar. Selesai majlis pada jam 12.20 tengahari, DYMM Tuanku Sultan Kedah telah berangkat pulang dari Pulau Payar menggunakan kapal MV SUHAIL milik Jabatan Laut Malaysia dan tiba di Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah pada jam 13.40pm .

14 JANUARY 2020 (SELASA),

INSTITUT LATIHAN PENGANGKUTAN
LAUT, PULAU INDAH

HANDOVER CEREMONY OF ADVANCED PERSONNEL TRAINING FOR VESSEL TRAFFIC SERVICE (JOINTLY ORGANIZED BY: MARINE DEPARTMENT MALAYSIA AND JAPAN AIDS TO NAVIGATION ASSOCIATION)



MATLAMAT PENYERAHAN

Untuk menubuhkan Pusat Latihan Operator VTS Serantau di Institut Latihan Pengangkutan Maritim (MATRAIN) Malaysia. Projek ini juga menyediakan kemudahan latihan dan peralatan termasuk simulator VTS yang akan membolehkan pengendali VTS dari negara-negara tersebut dilatih dengan berkesan dan dengan cara yang harmoni.

Menjalankan Latihan Pengendali VTS yang diiktiraf IALA Untuk menjalankan Latihan Pengendali VTS yang diiktiraf IALA untuk melatih kakitangan VTS dari Negara Anggota ASEAN mengikut kursus model siri IALA V-103 untuk tujuan mempertingkatkan kapasiti operasi VTS mereka. Program latihan pertama dijadualkan bermula pertengahan tahun 2017 dengan 20 peserta untuk mengambil bahagian dari kesemua sepuluh (10) negara ASEAN, dua (2) peserta dari setiap Negeri.

PAMERAN UMT

**15 JANUARI 2020 (RABU), LOBI
IBU PEJABAT LAUT**

Pameran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Jabatan Laut Malaysia sempena penawaran Program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) luar kampus.

Pihak UMT telah membuka booth sempena penawaran Program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) luar kampus. Program ini menawarkan kurikulum yang berfokus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pengurusan dan Eksekutif khususnya dalam bidang pengurusan serta pentadbiran. Program ini juga menawarkan pengambilan semesta baru pada Februari 2020.

PROPOSED CAPITAL DREDGING WORKS AT SENARI PORT

**16 JANUARI
2020 (KHAMIS),
KUCHING,
SARAWAK**



Sesi Taklimat kepada Stakeholders di Kuching, Sarawak diadakan pada 16 Januari 2020 oleh YBhg Dato' Hazman Bin Hussein selaku Timbalan Ketua Pengarah Laut Sesi taklimat ini telah dipengerusikan oleh YBhg Dato' Awang Remei, selaku Pengerusi Kuching Port Authority. Sesi taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan perjalanan projek serta menjawab pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh stakeholders.

**17 JANUARI 2020 (JUMAAT), IBU
PEJABAT LAUT**

**SESI PERBINCANGAN DI
ANTARA JLM-FAMA
BERHUBUNG AKTIVITI BARTER
TRADE DI BATU PAHAT, JOHOR.**



**PROGRAM KEMPEN KESEDARAN DAN
KESELAMATAN DI ATAS BOT**

**18 JAN 2020 (SABTU), LIMBANG
SARAWAK**

**PROGRAM KEMPEN KESEDARAN DAN
KESELAMATAN DI ATAS BOT DI
KAMPUNG LIMPAKU PINANG, LIMBANG
SARAWAK**

MAJLIS PERASMIAN PROJEK DEMOSTRASI 5G MALAYSIA DI PULAU LANGKAWI KEDAH.

**19 JANUARI 2020 (AHAD), PULAU
LANGKAWI**

**YBHG. DATO' HJ BAHARIN BIN DATO'
ABDUL HAMID, KETUA PENGARAH LAUT
TELAH MENGHADIRI MAJLIS
PERASMIAN PROJEK DEMOSTRASI 5G
MALAYSIA DI PULAU LANGKAWI
KEDAH.**



Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia telah mengumumkan Pelaksanaan Projek Demostrasi 5G Malaysia bermula pada Oktober 2019 yang bertujuan untuk memudahkan cara, membina dan memupuk pembangunan kes-kes kegunaan 5G yang berpotensi dalam persekitaran sebenar dan konteks yang lebih luas untuk mengembangkan ekosistem 5G.



Perhimpunan Bulanan Pengarah Bersama Pegawai dan Kakitangan Jabatan Laut Wilayah Tengah bagi bulan Januari 2020 berlangsung pada 21 Januari 2020 (Selasa) pukul 09.00 pagi bertempat di Dataran Jabatan Laut Wilayah Tengah, Pelabuhan Klang. Dalam perhimpunan ini, Kapten Nazri Bin Abu Hassan, Pengarah Laut Wilayah Tengah telah menyampaikan amanat beliau kepada semua pegawai dan kakitangan berkenaan dengan etika kerja sebagai penjawat awam. Dengan tema 'mendalamkan air, melajukan arus' sebagai kakitangan kerajaan yang sentiasa membantu rakyat dan pemudah cara kepada segala urusan yang melibatkan perkapalan dan industri maritim. Di samping itu, beliau juga memfokuskan fungsi Jabatan Laut Malaysia sebagai penanda aras kepada semua pegawai dan kakitangan jabatan ini.

**MAJLIS PERJUMPAAN KHAS YB MENTERI PENGANGKUTAN
DENGAN AHLI MESYUARAT PASCA KABINET MOT SEMPENA
PERAYAAN TAHUN BARU CINA.**

**22 JANUARI 2020 (RABU) ,
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Majlis Perjumpaan Khas YB Menteri Pengangkutan Dengan Ahli Mesyuarat Pasca Kabinet MOT Sempena Perayaan Tahun Baru Cina. Majlis ini juga dihadiri oleh YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia.



KETIBAAN DAN KEBERANGKATAN TUANKU RAJA PERLIS

**24 HINGGA 27 JANUARI 2020 (JUMAAT-
ISNIN), KUALA PERLIS**

Ketibaan dan keberangkatan Tuanku Raja Perlis dari Kuala Perlis ke Langkawi dengan menggunakan kapal AKAMAR milik Jabatan Laut Malaysia.



**KEHADIRAN KE MESYUARAT
ANTARABANGSA SUB-COMMITTEE
ON NAVIGATION, COMMUNICATION,
SEARCH AND RESCUE (NCSR 7).**

Persidangan Jawatankuasa Kerja NCSR 7 ini merupakan sesi bagi membincangkan isu teknikal yang berkaitan aspek navigasi, komunikasi maritim serta isu teknikal berkaitan tugas mencari dan menyelamatkan (Search and Rescue). Antara perkara yang telah dibincangkan yang mempunyai kepentingan kepada negara adalah berkenaan pindaan kepada Resolusi A.857(20) – Guidelines for Vessel Traffic Services, pindaan Resolusi A.949(23) - Revision of The Guidelines On Places of Refuge for Ships In Need Of Assistance, perbincangan berkaitan pindaan bagi SOLAS Chapters III And IV For Modernization Of The Global Maritime Distress And Safety System (GMDSS) dan perbincangan berkaitan pemurnian prosedur mencari dan menyelamatkan antarabangsa terutamanya berkaitan operator GMDSS.

Selain itu, pengiktirafan bagi Japanese Regional Navigation Satellite System Quasi-Zenith Satellite System (QZSS) dan Indian Regional Navigation Satellite System (IRNSS) bagi kegunaan maritim juga dibincangkan semasa NCSR 7 ini. Perkara berkaitan pindaan alur keselamatan pelayaran dan Traffic Separation Scheme (TSS) di Australia, Norway dan Poland juga dibincangkan bagi pemakluman industri maritim khususnya.

Malaysia telah menghantar wakil bagi setiap Jawatankuasa Kerja bagi Navigasi, Komunikasi Maritim dan SAR yang disertai Jabatan Laut Malaysia (JLM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan beberapa wakil industri maritim sebagai pemerhati. Beberapa keputusan perbincangan tenikal semasa sesi NCSR 7 ini seterusnya akan diangkat bagi tujuan kelulusan pada persidangan utama Maritime Safety Committee (MSC) sesi ke 102.



**MESYUARAT PEMBUKAAN SESI AUDIT PERINGKAT PERTAMA QMS ISO
9001:2015 BAGI JABATAN LAUT MALAYSIA**



**29 JANUARI 2020 (RABU), INSTITUT
LATIHAN PENGANGKUTAN LAUT, PULAU
INDAH**

Mesyuarat Pembukaan Sesi Audit Peringkat Pertama QMS ISO 9001:2015 bagi Jabatan Laut Malaysia telah diadakan di Institut Latihan Pengangkutan Laut, Pulau Indah. Mesyuarat telah dihadiri oleh pegawai dari SIRIM dan pegawai-pegawai Jabatan Laut Malaysia. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut



**29 JANUARI 2020 (RABU), IBU
PEJABAT LAUT**

Sesi Taklimat : Pelatih Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Pusat Latihan Amali (PLA) Klang oleh Pegawai Unit Korporat Jabatan Laut Malaysia.



SESI STAKEHOLDER ENGAGEMENT: JABATAN LAUT MALAYSIA DAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

**29 JAN 2020 (RABU), IBU PEJABAT LAUT
WILAYAH UTARA, GELUGOR, PULAU
PINANG** - Sesi Stakeholders Engagement JLM
Wilayah Utara bersama Pengarah Lembaga
Hasil Dalam Negeri Pulau Pinang - En Azizol
Bin Ahmad dan pasukan.



APLIKASI BOOST UNTUK PEMBELIAN TIKET FERI

**USE BOOST FOR
YOUR FERRY TICKETS!**
JOM NAIK FERI!

JUST HEAD OVER TO

Do More Transport Ferry



DIGITALIZATION OF SERVICES

JabatanLautMalaysia
lautMy

Download the Boost app now!

GET IT ON
Google Play

Download on the
App Store

Boost

www.marine.gov.my "Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas" MARINE DEPARTMENT MALAYSIA


#PayWithBoost to enjoy Ferry
rewarding trips at these ports:

LANGKAWI KUALA KEDAH KUALA PERLIS



Dimaklumkan penggunaan aplikasi Boost untuk pembelian tiket feri bagi Kuah, Kuala Kedah & Kuala Perlis. Langkah-langkah untuk menuju ke arah Kerajaan Digital dengan menggabungkan bisnes dan teknologi untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan bertumpukan rakyat dengan menghapuskan kerenah birokrasi, memperluas liputan perkhidmatan dan meningkatkan akauntabiliti serta merealisasikan impian sebagai Kerajaan Digital.

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN ALAT BANTUAN PELAYARAN DAN PEMANTAUAN PELABUHAN KERTEH DAN KEMAMAN OLEH JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TIMUR.



Kerja-kerja penyelenggaraan Alat Bantuan Pelayaran dan pemantauan pelabuhan Kerteh dan Kemaman pada 28-30 Januari 2020 oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur. Ini bagi memastikan tahap ketersediaan Alat Bantuan Pelayaran berfungsi dengan baik dan memastikan keselamatan kapal keluar dan masuk di Pelabuhan Kerteh dan Kemaman. program ini diketuai oleh Ketua Bahagian Pengurusan Trafik Dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) , turut serta Pegawai Bahagian Operasi Maritim, Ketua Pejabat Laut Kerteh, Ketua Pejabat Laut Kemaman, Tim Teknikal BPTBP dan Krew MV Saiph, Wilayah Timur

30 JANUARI 2020 (KHAMIS), JABATAN LAUT WILAYAH UTARA, PULAU PINANG SESI ENGAGEMENT JLM WILAYAH UTARA BERSAMA PORT HEALTH OFFICER PULAU PINANG MENGENAI WABAK CORONAVIRUS.





JABATAN LAUT MALAYSIA

IBU PEJABAT LAUT
PETI SURAT 12, JALAN LIMBUNGAN
42007 PELABUHAN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA
TEL : 603-3346 7777
FAKS : 603-3168 5289
LAMAM WEB : www.marine.gov.my



KENYATAAN MEDIA

SITUASI SEMASA WABAK JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV) DAN STATUS KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI POTENSI PENULARANNYA DI JETI DAN PELABUHAN DI MALAYSIA

Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengambil maklum perkembangan terkini kejadian wabak jangkitan 2019 Novel Coronavirus (2019-nCoV) berdasarkan pelaporan daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sehubungan dengan itu, JLM telah bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah/Negeri dan Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan untuk memantau pelancong-pelancong asing yang memasuki negara melalui laluan Terminal Penumpang Antarabangsa dan Terminal Kapal Cruise.

JLM juga akan memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah/Negeri dan Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan sekiranya menerima kemasukan bot layar dari China dan juga sekiranya pelayar adalah dari negara China, bagi tujuan saringan kesihatan seterusnya.

Bagi kapal-kapal yang memasuki pelabuhan, JLM akan membantu dari segi pemberitahuan kepada Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan sekiranya pelabuhan terakhir kapal tersebut berlabuh adalah dari China. Seterusnya Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan akan naik ke kapal di kawasan berlabuh. Sekiranya ada kes, kapal akan dikuarantin di kawasan kuarantin yang ditetapkan, sebagai contoh Perairan Pintu Gedong untuk Negeri Selangor.

JLM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan secara berterusan melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak KKM.

UNIT KORPORAT,

JABATAN LAUT MALAYSIA.

29 JANUARI 2020

MAKLUM UMUM



Bernama.com

Pastikan Benar

BERNAMA

AM+ EKONOMI+ POLITIK+ SUKAN+ RENCANA+ DUNIA+ WESTV

LAMAN MIKRO: Perbankan & Kewangan | Kesihatan | Tenaga | Hartanah | Gaya Hidup

TERKINI Sumber Bekalan Air: Cegah Sebelum Parah! [32m ago]

Berita AM



Koronavirus: JLM pantau kemasukan pelancong asing di jeti dan pelabuhan

Tarikh kemaskini: 29/01/2020



KUALA LUMPUR, 29 Jan -- Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah atau Negeri serta Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan sentiasa memantau kemasukan pelancong asing ke negara ini melalui laluan terminal penumpang antarabangsa dan terminal kapal pesiar.

JLM dalam satu kenyataan hari ini menjelaskan langkah itu sebagai mengambil maklum perkembangan terkini 2019 novel coronavirus dan bersedia bagi menghadapi potensi penularannya melalui pengguna jeti dan pelabuhan negara.

JLM juga akan memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah atau Negeri dan Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan sekiranya menerima kemasukan bot layar dari China serta pelayar dari China bagi tujuan saringan kesihatan.

"Bagi kapal-kapal yang memasuki pelabuhan, JLM akan membantu dari segi pemberitahuan kepada Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan

sekiranya pelabuhan terakhir kapal tersebut adalah dari China.

"Seterusnya Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan akan naik ke kapal di kawasan berlabuh. Sekiranya ada kes, kapal akan dikuarantin di kawasan kuarantin yang ditetapkan, sebagai contoh Perairan Pintu Gedong untuk negeri Selangor," menurut kenyataan itu.

Kenyataan tersebut turut memaklumkan JLM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan secara berterusan melalui maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

-BERNAMA

ASTRO AWANI

astro AWANI BERITA VIDEO FOTO LIVE

BERITA | MALAYSIA

Pantau pelancong asing di jeti, pelabuhan negara

Farhana Joni, Astro Awani | 29 Januari 2020 16:38 MYT



Jabatan Laut Malaysia memantau pelancong asing di jeti dan pelabuhan negara bagi mengekang jangkitan coronavirus. - Flickr

KUALA LUMPUR: Pelancong-pelancong asing yang memasuki negara melalui laluan Terminal Penumpang Antarabangsa dan Terminal Kapal Cruise akan dipantau.

Jabatan Laut Malaysia dalam kenyataan media berkata, langkah itu diambil sebagai kesiapsiagaan menghadapi potensi penularan jangkitan coronavirus di jeti dan pelabuhan negara.

Pemantauan itu akan dilakukan oleh Jabatan Laut Malaysia dan Pejabat Kesihatan Daerah atau Negeri serta Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan.

"Kemasukan bot layar dari China akan dimaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah atau Negeri serta Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan," katanya pada Rabu.

BERITA HARIAN

JLM pantau kemasukan pelancong asing

Kuala Lumpur: Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan kerjasama pejabat kesihatan daerah atau negeri serta pihak berkuasa kesihatan pelabuhan sentiasa memantau kemasukan pelancong asing ke negara ini melalui laluan terminal penumpang antarabangsa dan terminal kapal pesiar.

JLM dalam satu kenyataan semalam menjelaskan, langkah itu

sebagai persediaan menghadapi potensi penularan coronavirus melalui pengguna jeti dan pelabuhan negara.

JLM juga akan memaklumkan kepada pejabat kesihatan daerah atau negeri dan pihak berkuasa kesihatan pelabuhan sekiranya menerima kemasukan bot layar dari China serta pelayar dari China bagi tujuan saringan kesihatan.

"Bagi kapal yang memasuki pelabuhan, JLM akan membantu dari segi pemberitahuan kepada pihak berkuasa kesihatan pelabuhan sekiranya pelabuhan terakhir kapal adalah dari China."


"Seterusnya Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan akan naik ke kapal di kawasan berlabuh. Sekiranya ada kes, kapal akan dikuarantin di kawasan kuaran-

tin yang ditetapkan, sebagai contoh Perairan Pintu Gedong untuk negeri Selangor," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan JLM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan secara berterusan melalui maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan.

BERNAMA

Novel Coronavirus (2019-nCoV)



#kementrianakesihatanmalaysia

#KKM

#coronavirus

#wuhanvirus

PROGRAM –PROGRAM AKAN DATANG

JABATAN LAUT MALAYSIA

BULAN FEBRUARI

- 25-28 FEBRUARI 2020, GRAND HYATT HOTEL, KUALA LUMPUR-
IALA DIPLOMATIC CONFERENCE
- FEBRUARI 2020 - **SESI RAKAMAN RTM BAGI TEMUBUAL RANCANGAN PROGRAM NAVIGASI**
- 10 FEBRUARI 2020 (ISNIN), IBUPEJABAT LAUT - **PERHIMPUNAN BULANAN BAGI BULAN FEBRUARI JABATAN LAUT MALAYSIA (IBU PEJABAT LAUT)**
- 06 FEBRUARI 2020 (KHAMIS), KEMENTERIAN PENGANGKUTAN, PUTRAJAYA - **MAJLIS RAMAH MESRA & PERHIMPUNAN BULANAN FEBRUARI 2020 BERSAMA YB MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**



PERKONGSIAN RESEPI BULAN INI



RESEPI UDANG GALAH MASAK DIRAJA



Bahan-bahan :

- 1/2 kg udang galah
- 4 biji bawang besar
- 4 ulas bawang putih
- 4 tangkai cili kering
- 2 inci lengkuas
- 1 inci halia

Kisar kesemua bahan di atas kecuali udang.

2 batang serai diketuk

1 keping asam

1/2 sudu serbuk kunyit

1 sudu gula

1/2 sudu garam

1 cawan santan pekat

Cara Menyediakan :

Basuh udang bersih. Jangan lupa buang tahi udang.

Tumiskan bahan-bahan kisar sampai naik bau.

Masukkan serai ketuk.

Masukkan udang. Kacau dan sebatikan.

Masukkan santan pekat, serbuk kunyit dan asam keping.

Perasakan dengan garam, gula dan pak aji ka-

SELAMAT MENCUBA !